



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

DOKUMEN STANDARD PRESTASI

DUNIA SENI VISUAL

TAHUN 2

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina sebagai panduan untuk guru menambahbaik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari mengikut tahap pencapaian seperti yang dihasratkan oleh kurikulum mata pelajaran ini.

Adalah diharapkan dokumen ini dapat memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada guru tentang hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan tentang pembinaan modal insan yang berteraskan kepada pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

TAFSIRAN

- **Band** ialah satu label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu.
- **Standard** ialah satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang individu.
- **Standard Prestasi** ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan di mana kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (band). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkaian kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran.
- **Deskriptor** ialah pernyataan yang menerangkan apa yang murid tahu dan boleh buat berdasarkan standard di mana kualiti boleh ditaksir dan dicapai.
- **Evidens**
 - Murid** : Pernyataan yang menerangkan tentang bagaimana murid melaksanakan apa yang dia tahu dan boleh buat berdasarkan deskriptor.
 - Instrumen** : Bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk produk atau proses seperti foto, grafik, artifak, laporan dan lain-lain.
- **Instrumen** ialah alat yang digunakan untuk menguji penguasaan atau pencapaian murid bagi sesuatu domain seperti ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi, ujian amali.

KERANGKA STANDARD PRESTASI

BAND	STANDARD
1	Tahu
2	Tahu dan Faham
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali

TAFSIRAN BAND

BAND	PERNYATAAN BAND	TAFSIRAN
1	TAHU	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	TAHU DAN FAHAM	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB TERPUJI	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB MITHALI	Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekal.

MATLAMAT KURIKULUM

Matlamat Kurikulum Standard Sekolah Rendah bagi mata pelajaran Dunia Seni Visual adalah melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif dan produktif menerusi pemupukan asas seni visual dan berupaya meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

OBJEKTIF KURIKULUM

Kurikulum Standard Sekolah Rendah bagi mata pelajaran Dunia Seni Visual membolehkan murid:

1. menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan
2. melibatkan diri dalam kegiatan seni visual secara aktif, kritis, kreatif dan menyeronokkan
3. menajamkan daya imaginasi melalui pancaindera
4. mengenali asas seni reka dan olahan serta dapat menggunakannya
5. mengembangkan kemahiran asas dalam pelbagai kegiatan seni visual
6. membiasakan diri membuat rekaan seni dengan teratur, cermat dan selamat
7. memupuk nilai-nilai kerjasama, yakin diri, disiplin diri dan bertanggungjawab
8. mengenal dan menghargai tokoh seni dan budaya tanah air
9. menggunakan kemudahan teknologi dalam kegiatan penghasilan seni visual
10. melibatkan diri dalam kegiatan seni visual sebagai aktiviti kesenggangan yang berfaedah

BAND	PERNYATAAN STANDARD
1	Mengenal dan mengetahui bahasa seni visual, media dan nilai baik.
2	Mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media dan nilai-nilai baik.
3	Mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual serta mempamerkan nilai-nilai baik dalam menghasilkan karya.
4	Menghasilkan karya menggunakan media, teknik dan proses penghasilan yang betul dengan mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual di samping menghargai nilai baik dalam semua aspek kehidupan.
5	Menghasilkan karya yang menarik menggunakan pelbagai media, teknik dan proses penghasilan yang betul dengan mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual dan mengamalkan nilai baik dalam semua aspek kehidupan.
6	Menghasilkan karya yang kreatif dan unik berpandukan bahasa seni visual dan proses penghasilan yang betul dengan menggunakan pelbagai media dan teknik secara kreatif dan mempunyai elemen nilai tambah serta dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri, tokoh seni dan warisan seni negara di samping memiliki nilai baik dalam semua aspek kehidupan.

		B1D3 (APLIKASI SENI) Mengetahui nilai baik	B1D2E2 Menamakan alat dan bahan dalam bidang membuat corak dan rekaan iaitu lipatan dan guntingan, cetakan dan tiupan B1D2E3 Menamakan alat dan bahan dalam bidang membentuk dan membuat binaan iaitu stabail dan topeng B1D2E4 Menamakan alat dan bahan berdasarkan aktiviti yang dilakukan dalam bidang mengenal kraf tradisional B1D3E1 Mendengar dan menerima arahan dari guru
--	--	--	---

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p>2</p> <p>Tahu dan Faham</p>	<p>B2 Mengetahui dan memahami bahasa seni visual, media dan nilai-nilai baik</p>	<p>B2D1 (PERSEPSI ESTETIK) Memahami bahasa seni visual</p>	<p>B2D1E1 Membezakan unsur seni dalam bidang menggambar iaitu lukisan, gosokan, resis dan catan</p> <p>B2D1E2 Membezakan unsur seni dalam bidang membuat corak dan rekaan iaitu lipatan dan guntingan, cetakan dan tiupan</p> <p>B2D1E3 Membezakan unsur seni dalam bidang membentuk dan membuat binaan iaitu stabail dan topeng</p> <p>B2D1E4 Membezakan unsur seni dalam bidang mengenal kraf tradisional iaitu gasing dan tembikar</p> <p>B2D1E5 Membezakan prinsip rekaan dalam bidang menggambar iaitu lukisan, gosokan, resis dan catan</p> <p>B2D1E6 Membezakan prinsip rekaan dalam bidang membuat corak dan rekaan iaitu lipatan dan guntingan, cetakan dan tiupan</p>

		<p>B2D2 (APLIKASI SENI) Memahami media yang sesuai untuk berkarya</p>	<p>B2D1E7 Membezakan prinsip rekaan dalam bidang membentuk dan membuat binaan iaitu stabil dan topeng</p> <p>B2D1E8 Membezakan prinsip rekaan dalam bidang mengenal kraf tradisional iaitu gasing dan tembikar</p> <p>B2D2E1 Menamakan media yang sesuai dalam bidang menggambar iaitu lukisan, gosokan, resis dan catan</p> <p>B2D2E2 Menamakan media yang sesuai dalam bidang membuat corak dan rekaan iaitu lipatan dan guntingan, cetakan dan tiupan</p> <p>B2D2E3 Menamakan media yang sesuai dalam bidang membentuk dan membuat binaan iaitu stabil dan topeng</p> <p>B2D2E4 Menamakan media yang sesuai dalam bidang mengenal kraf tradisional iaitu gasing dan tembikar</p> <p>B2D2E5 Menyatakan fungsi asas media</p>
--	--	--	---

		B2D3 (APLIKASI SENI) Memahami nilai baik	B2D2E6 Membuat padanan gambar antara media dan fungsinya B2D3E1 Mempamerkan disiplin sendiri
--	--	--	---

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;">3</p> <p>Tahu, Faham dan Boleh Buat</p>	<p>B3 Mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual serta mempamerkan nilai-nilai baik dalam menghasilkan karya</p>	<p>B3D1 (PERSEPSI ESTETIK) Berkarya menggunakan bahasa seni visual</p>	<p>B3D1E1 Menggunakan unsur seni dalam penghasilan karya dalam bidang menggambar iaitu lukisan, gosokan, resis dan catan</p> <p>B3D1E2 Menggunakan unsur seni dalam penghasilan karya dalam bidang membuat corak dan rekaan iaitu lipatan dan guntingan, cetakan dan tiupan</p> <p>B3D1E3 Menggunakan unsur seni dalam penghasilan karya dalam bidang membentuk dan membuat binaan iaitu stabail dan topeng</p> <p>B3D1E4 Menggunakan unsur seni dalam penghasilan karya dalam bidang mengenal kraf tradisional iaitu gasing dan tembikar</p> <p>B3D1E5 Menggunakan prinsip rekaan dalam penghasilan karya dalam bidang menggambar iaitu lukisan, gosokan, resis dan catan</p>

		<p>B3D2 (APLIKASI SENI) Mengetahui penggunaan media, teknik dan proses dalam penghasilan karya</p>	<p>B3D1E6 Menggunakan prinsip rekaan dalam penghasilan karya dalam bidang membuat corak dan rekaan iaitu lipatan dan guntingan, cetakan dan tiupan</p> <p>B3D1E7 Menggunakan prinsip rekaan dalam penghasilan karya bidang membentuk dan membuat binaan iaitu stabail dan topeng</p> <p>B3D1E8 Menggunakan prinsip rekaan dalam penghasilan karya dalam bidang mengenal kraf tradisional iaitu gasing dan tembikar</p> <p>B3D2E1 Meneroka bahan dan menggunakan alat yang betul dalam bidang menggambar</p> <p>B3D2E2 Meneroka bahan dan menggunakan alat yang betul dalam bidang membuat corak dan rekaan</p> <p>B3D2E3 Meneroka bahan dan menggunakan alat yang betul dalam bidang membentuk dan membuat binaan</p> <p>B3D2E4 Meneroka bahan dan menggunakan alat yang betul dalam bidang mengenal kraf tradisional</p>
--	--	--	--

		<p>B3D3 (APLIKASI SENI) Memperlihatkan nilai baik pada diri dan rakan</p> <p>B3D4 (EKSPRESI KREATIF) Mengetahui dan memilih bahan yang sesuai dalam penghasilan karya</p>	<p>B3D2E5 Meneroka penggunaan teknik dan proses dalam bidang menggambar</p> <p>B3D2E6 Meneroka penggunaan teknik dan proses dalam bidang membuat corak dan rekaan</p> <p>B3D2E7 Meneroka penggunaan teknik dan proses dalam bidang membentuk dan membuat binaan</p> <p>B3D2E8 Meneroka penggunaan teknik dan proses dalam bidang mengenal kraf tradisional</p> <p>B3D3E1 Menunjukkan nilai baik seperti disiplin sendiri dan kerjasama</p> <p>B3D4E1 Menghasilkan karya menggunakan bahan yang sesuai dalam bidang menggambar iaitu lukisan, gosokan, resis dan catan</p> <p>B3D4E2 Menghasilkan karya yang menggunakan bahan yang sesuai dalam bidang membuat corak dan rekaan iaitu lipatan dan guntingan, cetakan dan tiupan</p>
--	--	---	---

			<p>B3D4E3 Menghasilkan karya yang menggunakan bahan yang sesuai dalam bidang membentuk dan membuat binaan iaitu stabil dan topeng</p> <p>B3D4E4 Menghasilkan karya yang menggunakan bahan yang sesuai dalam bidang mengenal kraf tradisional iaitu gasing dan tembikar</p>
--	--	--	--

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p>4</p> <p>Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab</p>	<p>B4</p> <p>Menghasilkan karya menggunakan media, teknik dan proses penghasilan yang betul dengan mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual di samping menghargai nilai baik dalam semua aspek kehidupan.</p>	<p>B4D1 (PERSEPSI ESTETIK)</p> <p>Menggunakan bahasa seni visual yang betul dalam penghasilan karya</p>	<p>B4D1E1</p> <p>Menghasilkan karya dalam bidang menggambar iaitu lukisan, gosokan, resis dan catan yang mempamerkan unsur seni dan prinsip rekaan yang betul</p> <p>B4D1E2</p> <p>Menghasilkan karya dalam bidang membuat corak dan rekaan iaitu lipatan dan guntingan, cetakan dan tiupan yang mempamerkan unsur seni dan prinsip rekaan yang betul</p> <p>B4D1E3</p> <p>Menghasilkan karya dalam bidang membentuk dan membuat binaan iaitu stabail dan topeng yang mempamerkan unsur seni dan prinsip rekaan yang betul</p> <p>B4D1E4</p> <p>Menghasilkan karya dalam bidang mengenal kraf tradisional iaitu gasing dan tembikar yang mempamerkan unsur seni dan prinsip rekaan yang betul</p>

		<p>B4D2 (APLIKASI SENI) Memilih dan memanipulasikan media, teknik dan proses yang betul</p> <p>B4D3 (EKSPRESI KREATIF) Menggunakan dan memanipulasikan media yang sesuai dengan aktiviti</p> <p>B4D4 (EKSPRESI KREATIF) Menghayati nilai baik</p>	<p>B4D2E1 Menggunakan alat dan bahan yang betul dalam berkarya</p> <p>B4D2E2 Menggunakan proses dan teknik yang betul dalam berkarya</p> <p>B4D3E1 Menghasilkan karya yang menarik dan menepati tajuk dalam bidang menggambar</p> <p>B4D3E2 Menghasilkan karya yang menarik dan menepati tajuk dalam bidang membuat corak dan rekaan</p> <p>B4D3E3 Menghasilkan karya yang menarik dan menepati tajuk dalam bidang membentuk dan membuat binaan</p> <p>B4D3E4 Menghasilkan karya yang menarik dan menepati tajuk dalam bidang mengenal kraf tradisional</p> <p>B4D4E1 Mengamalkan nilai baik semasa menjalankan aktiviti seperti bertanggungjawab, berdisiplin dan yakin diri</p>
--	--	--	---

		B4D5 (APRESIASI SENI) Membuat apresiasi terhadap karya sendiri	B4D5E1 Mempamerkan karya yang dihasilkan
--	--	--	--

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p>5</p> <p>Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji</p>	<p>B5 Menghasilkan karya yang menarik menggunakan pelbagai media, teknik dan proses penghasilan yang betul dengan mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual dan mengamalkan nilai baik dalam semua aspek kehidupan.</p>	<p>B5D1 (PERSEPSI ESTETIK) Murid dapat menggunakan bahasa seni visual dengan betul dan kreatif dalam berkarya</p> <p>B5D2 (APLIKASI SENI) Mempelbagaikan penggunaan media, teknik dan proses dengan betul dan kreatif</p>	<p>B5D1E1 Menghasilkan karya dalam bidang menggambar yang mempamerkan unsur seni dan prinsip rekaan dengan betul dan kreatif</p> <p>B5D1E2 Menghasilkan karya dalam bidang membuat corak dan rekaan yang mempamerkan unsur seni dan prinsip rekaan dengan betul dan kreatif</p> <p>B5D1E3 Menghasilkan karya dalam bidang membentuk dan membuat binaan yang mempamerkan unsur seni dan prinsip rekaan dengan betul dan kreatif</p> <p>B5D1E4 Menghasilkan karya dalam bidang mengenal kraf tradisional yang mempamerkan unsur seni dan prinsip rekaan dengan betul dan kreatif</p> <p>B5D2E1 Menggunakan alat dengan betul dan mempelbagaikan penggunaan bahan secara kreatif dalam bidang menggambar</p>

			<p>B5D2E2 Menggunakan alat dengan betul dan mempelbagaikan penggunaan bahan secara kreatif dalam bidang membuat corak dan rekaan</p> <p>B5D2E3 Menggunakan alat dengan betul dan mempelbagaikan penggunaan bahan secara kreatif dalam bidang membentuk dan membuat binaan</p> <p>B5D2E4 Menggunakan alat dengan betul dan mempelbagaikan penggunaan bahan secara kreatif dalam bidang mengenal kraf tradisional</p> <p>B5D2E5 Menggunakan proses dan teknik yang betul secara kreatif semasa penghasilan karya dalam bidang menggambar</p> <p>B5D2E6 Menggunakan proses dan teknik yang betul secara kreatif semasa penghasilan karya dalam bidang membuat corak dan rekaan</p> <p>B5D2E7 Menggunakan proses dan teknik yang betul secara kreatif semasa penghasilan karya dalam bidang membentuk dan membuat binaan</p>
--	--	--	--

		<p>B5D3 (EKSPRESI KREATIF) Mengguna, memanipulasi dan mempelbagaikan media yang bersesuaian secara kreatif</p> <p>B5D4 (EKSPRESI KREATIF) Mengaplikasi alam ciptaan Tuhan sebagai sumber ilham.</p> <p>B5D5 (EKSPRESI KREATIF) Menghayati nilai baik</p>	<p>B5D2E8 Menggunakan proses dan teknik yang betul secara kreatif semasa penghasilan karya bidang mengenal kraf tradisional</p> <p>B5D3E1 Menghasilkan karya seni secara menarik dan kreatif dalam bidang menggambar</p> <p>B5D3E2 Menghasilkan karya seni secara menarik dan kreatif dalam bidang membuat corak dan rekaan</p> <p>B5D3E3 Menghasilkan karya seni secara menarik dan kreatif dalam bidang membentuk dan membuat binaan</p> <p>B5D3E4 Menghasilkan karya seni secara menarik dan kreatif dalam bidang mengenal kraf tradisional</p> <p>B5D4E1 Menghasilkan karya yang menarik dengan membuat olahan idea berdasarkan alam ciptaan Tuhan</p> <p>B5D5E1 Mengamalkan nilai baik semasa menjalankan aktiviti seperti bertanggungjawab, berdisiplin dan yakin diri</p>
--	--	---	--

		B5D6 (APRESIASI SENI) Membuat apresiasi terhadap karya sendiri	B5D6E1 Mempamerkan karya yang dihasilkan B5D6E2 Menceritakan karya sendiri secara lisan
--	--	--	--

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p>6</p> <p>Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali</p>	<p>B6 Menghasilkan karya yang kreatif dan unik berpandukan bahasa seni visual dan proses penghasilan yang betul dengan menggunakan pelbagai media dan teknik secara kreatif dan mempunyai elemen nilai tambah serta dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri, tokoh seni dan warisan seni negara di samping memiliki nilai baik dalam semua aspek kehidupan.</p>	<p>B6D1 (PERSEPSI ESTETIK) Murid dapat berfikir secara kritis dan kreatif untuk menghasilkan karya berpandukan bahasa seni visual</p> <p>B6D2 (APLIKASI SENI) Menggunakan pelbagai media dan teknik secara kreatif dengan proses yang betul dan tepat</p>	<p>B6D1E1 Menghasilkan karya yang mempunyai unsur seni dan prinsip rekaan secara kreatif dan unik dalam bidang menggambar</p> <p>B6D1E2 Menghasilkan karya yang mempunyai unsur seni dan prinsip rekaan secara kreatif dan unik dalam bidang membuat corak dan rekaan</p> <p>B6D1E3 Menghasilkan karya yang mempunyai unsur seni dan prinsip rekaan secara kreatif dan unik dalam bidang membentuk dan membuat binaan</p> <p>B6D1E4 Menghasilkan karya yang mempunyai unsur seni dan prinsip rekaan secara kreatif dan unik dalam bidang mengenal kraf tradisional</p> <p>B6D1E5 Menghasilkan karya yang mempunyai hubungkait dengan disiplin ilmu yang lain</p> <p>B6D2E1 Menggunakan alat dengan betul dan tepat serta mempelbagai penggunaan bahan secara kreatif dalam bidang menggambar</p>

			<p>B6D2E2 Menggunakan alat dengan betul dan tepat serta mempelbagai penggunaan bahan secara kreatif dalam bidang membuat corak dan rekaan</p> <p>B6D2E3 Menggunakan alat dengan betul dan tepat serta mempelbagai penggunaan bahan secara kreatif dalam bidang membentuk dan membuat binaan</p> <p>B6D2E4 Menggunakan alat dengan betul dan tepat serta mempelbagai penggunaan bahan secara kreatif dalam bidang mengenal kraf tradisional</p> <p>B6D2E5 Menggunakan proses dan teknik yang betul dan tepat serta kreatif dalam penghasilan karya bidang menggambar</p> <p>B6D2E6 Menggunakan proses dan teknik yang betul dan tepat serta kreatif dalam penghasilan karya bidang membuat corak dan rekaan</p> <p>B6D2E7 Menggunakan proses dan teknik yang betul dan tepat serta kreatif dalam penghasilan karya bidang membentuk dan membuat binaan</p> <p>B6D2E8 Menggunakan proses dan teknik yang betul dan tepat serta kreatif dalam penghasilan karya bidang mengenal kraf tradisional</p>
--	--	--	--

		<p>B6D3 (EKSPRESI KREATIF) Mengaplikasi pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penzahiran idea melalui pelbagai kajian dan teknologi dalam penghasilan karya seni</p> <p>B6D4 (EKSPRESI KREATIF) Menggunakan Elemen Merentas Kurikulum (EMK)</p> <p>B6D5 (EKSPRESI KREATIF) Membudayakan nilai baik dalam setiap aktiviti yang dilakukan</p> <p>B6D6 (APRESIASI SENI) Membuat apreasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual</p>	<p>B6D2E9 Menjadi pembimbing kepada rakan sebaya sewaktu menjalankan aktiviti</p> <p>B6D3E1 Menghasilkan karya dengan menggunakan pelbagai jenis sumber, kajian dan teknologi</p> <p>B6D4E1 Menghasilkan karya yang menggunakan Elemen Merentas Kurikulum (EMK)</p> <p>B6D5E1 Membuat pertimbangan yang sewajarnya apabila berhadapan dengan pelbagai situasi</p> <p>B6D6E1 Mempamerkan karya yang dihasilkan</p>
--	--	--	---

		<p>B6D7 (APRESIASI SENI) Membuat penghayatan dan penghargaan seni warisan serta hubung kait seni visual dengan disiplin ilmu yang lain</p> <p>B6D8 (APRESIASI SENI) Mensyukuri keindahan alam ciptaan Tuhan</p>	<p>B6D7E1 Menceritakan karya sendiri dengan yakin secara lisan</p> <p>B6D7E2 Menceritakan karya rakan secara lisan</p> <p>B6D7E3 Membuat perbincangan bersama guru dan rakan berdasarkan hasil kerja atau karya pilihan</p> <p>B6D8E1 Menunjukkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan</p>
--	--	---	--